

31/01/2002

Malaysia Book of Record iktiraf Hassan, adik

PUTRAJAYA, Rabu - Dua beradik, Hassan Nawawi Abdul Rahman, 47 dan Ahmad Ridzuan, 37, yang melepasi cabaran berbasikal mengelilingi dunia selama 388 hari bermula 4 Januari tahun lalu, hari ini mendapat pengiktirafan Malaysia Book of Record.

Sijil berkenaan disampaikan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein sempena majlis menyambut kedua-dua beradik itu di Rumah Kelab Tasik Putrajaya di sini.

Terdahulu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut menemui Hassan Nawawi yang juga bekas Pegawai Daerah Port Dickson dan Ahmad Ridzuan di pekarangan Jabatan Perdana Menteri (JPM), di sini.

Kedua-dua beradik itu pulang ke tanah air menerusi Bukit Kayu Hitam, Kedah, Ahad lalu selepas menamatkan penjelajahan berbasikal sejauh 26,565 kilometer merentasi 18 negara bermula dari Thailand, Myanmar, Bangladesh, India, Pakistan, Iran, Turki, Greece, Itali, Perancis, England sebelum menaiki pesawat menyeberang ke Amerika Syarikat melalui Florida.

Selepas itu, Hassan Nawawi dan Ahmad Ridzuan berlepas ke Jepun, Korea Selatan, China, Vietnam, Laos dan memasuki semula Thailand sebelum pulang ke tanah air.

Hishammuddin menyifatkan dua beradik itu Wira Daratan dan bukti rakyat Malaysia mampu bersaing dengan bangsa lain sekiranya mempunyai tekad dan semangat kuat serta faktor umur bukan penghalang melakukan sesuatu.

Sebelum ini, Datuk Azhar Mansor yang mencatat sejarah sebagai rakyat Malaysia pertama belayar secara solo mengelilingi dunia, digelar Wira Samudera.

Di IPOH, Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, berkata kerajaan negeri mencadangkan kepada Sultan Perak Sultan Azlan Shah supaya dua beradik itu diberi ganjaran sebagai pengiktirafan kejayaan anak jati negeri yang berasal dari Kampung Suak Petai, Manong, Kuala Kangsar.

"Kita minta Sultan Perak perkenankan cadangan itu. Kita tidak boleh umum bentuk ganjaran selagi Sultan Perak belum perkenan," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Exco negeri.

(END)